



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-5520 5200
Faks: 603-5520 5281
Laman Web:
<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: ANM (SEL) PD 400 -1/4 JLD 2 (80)
Tarikh : 7 Oktober 2020

Ketua Pusat Tanggungjawab Jabatan Persekutuan
Di bawah Seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN TIDAK MENDEDAHKAN MAKLUMAT AKAUN BANK TERIMAAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Jabatan ini mendapati terdapat beberapa PTJ telah mendedahkan maklumat akaun bank terimaan utama dan bank agen JANM Negeri Selangor untuk tujuan bayaran kepada jabatan melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT).
3. Perkara ini telah menimbulkan masalah kepada jabatan ini dalam proses mengenal pasti terimaan yang akan menyebabkan kesulitan dalam penyediaan laporan penyesuaian bank berikutan pembayaran yang tidak mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh jabatan ini. Hal ini telah mengakibatkan beberapa isu dan risiko ke atas terimaan melalui EFT yang tidak mengikut kepada rujukan ID korporat terimaan seperti berikut:
 - i. terimaan tidak dapat dikenal pasti;
 - ii. terimaan tidak dapat diperakaunkan dengan tepat; dan
 - iii. terimaan tertunggak melebihi tiga (3) bulan di penyata penyesuaian bank dan seterusnya diperakaunkan ke hasil pelbagai.
4. Jabatan ini ingin memberi penekanan bahawa setiap transaksi bayaran secara EFT perlu mendapat kebenaran dan kelulusan dari JANM Negeri Selangor terlebih dahulu dan terimaan bayaran dari pelanggan (pihak luar) secara EFT hanya dibenarkan dibayar ke akaun terimaan utama JANM Negeri Selangor sahaja.

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: ANM (SEL) PD 400 – 1/4 JLD 2 (80)
Tajuk: Arahan Tidak Mendedahkan Maklumat Akaun Bank Terimaan Jabatan Akauntan Negara
Malaysia Negeri Selangor
Tarikh: 7 Oktober 2020

5. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

Nama Pegawai	No. Tel
Fadzreen Fadzril Bin Baharin	03-55205280
Izlin Idayu Binti Musa	03-55205291
Nik Hazman Bin Nik Mat @ Nik Hassan	03-55205239
Siti Rafiza Binti Sulaiman	03-55205293
Norazah Binti Mohamed Salleh	03-55205233


6. Perhatian serius dan kerjasama daripada pihak YBhg Dato/Tuan/Puan dalam memastikan terimaan hasil dapat diperakaunkan dengan tepat amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(RUZINAH BINTI RUKUN C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor

No. Tel: 0355205201 No. Faks: 0355105049

Emel: ruzinah@anm.gov.my